

ANALISIS METODE PENTERJEMAHAN HADIS DALAM TEKS KHUTBAH JUMAAT TERBITAN JAIS BERASASKAN TEORI SEMANTIK KOMUNIKATIF

Saifulah bin Samsudin ¹
Abdul Manan bin Yusof
Husni bin Abdullah
Hamid bin Mat Isa
Qarratuljannati Adnin binti Mohd Rithuan

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Accepted date: 22 November 2017

Published date: 26 Disember 2017

To cite this document:

Samsudin, S., Yusof, A. M., Abdullah, H., Mat Isa, H., & Mohd Rithuan, Q. A. (2017). Analisis Metode Penterjemahan Hadis Dalam Teks Khutbah Jumaat Terbitan Jais Berasaskan Teori Semantik Komunikatif. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 116 - 128.

Abstrak Khutbah jumaat merupakan medium dakwah yang amat penting bagi umat Islam. Ia menjadi wahana efektif untuk menyampaikan mesej penting kepada audien yang hadir. Khutbah Jumaat bukan sahaja wajar melengkapinya syarat dan rukun yang telah digariskan disiplin bidang fiqh malahan perlu memenuhi ciri medium komunikasi yang efektif. Hadis sebagai sumber rujukan kedua sering menjadi tunjang asas kepada keutuhan hujahan dalam khutbah Jumaat. Penggunaan bahasa yang menepati kaedah bahasa yang betul khususnya dalam penterjemahan ayat al-Quran dan al-Hadis perlu menjadi satu kemestian. Kajian ini menumpukan kepada metode dalam penterjemahan hadis yang terdapat dalam teks khutbah jumaat terbitan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada tahun 2014-2015. Teori terjemahan yang digunakan adalah teori terjemahan Semantik Komunikatif yang diperkenalkan oleh Peter Newmark. Berdasarkan analisis hasil terjemahan hadis ke dalam bahasa Melayu, kajian mendapati hadis dalam korpus kajian kerap menggunakan pendekatan semantik di samping turut menggunakan pendekatan komunikatif, terutama pada elemen bahasa figuratif.

.Kata Kunci: Metode Penterjemahan Hadis, Khutbah Jumaat JAIS.

ANALYSIS OF THE HADIS TRANSLATION METHOD IN THE FRIDAY SERMON BY JAIS FROM THE SEMANTIC COMMUNICATIVE APPROACH

Saifulah bin Samsudin ¹
Abdul Manan bin Yusof
Husni bin Abdullah
Hamid bin Mat Isa
Qarratuljannati Adnin binti Mohd Rithuan

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abstract : *The Friday sermon is a very important dakwah medium for Muslims. It becomes an effective vehicle for delivering important messages to audiences present. Friday's sermon should not only adequately complete the requirements and rules that have been outlined in the discipline of the fiqh field but must also fulfill the features of effective communication medium. Hadith as a second source of references is often the basic source of the integrity of the argument in the Friday sermon. The use of the language that conforms to the correct language, especially in the translation of the verses of the Quran and al-Hadith should be a must. This study focuses on the method in the translation of the hadith contained in the text of the Friday sermon of the Selangor Islamic Religious Department (JAIS) published in 2014-2015. The translation theory used is the Semantic Communicative translation theory introduced by Peter Newmark. Based on the analysis of the hadith translation into the Malay language, the study of corpus hadis studies often use semantic approaches while also using communicative approach especially in figurative language elements.*

Keywords: *Translation, Hadith, Friday Sermon.*

Pengenalan

Penterjemahan merupakan salah satu pekerjaan yang memerlukan perhatian yang mendalam. Ini adalah kerana, setiap bahasa mempunyai keistimewaan unsur seperti gaya bahasa, unsur budaya, serta kaedahnya yang tersendiri. Oleh itu, penterjemah memainkan peranan penting meletakkan setiap unsur berikut sesuai dengan kehendak teks sasaran untuk menepati ciri-ciri terjemahan yang baik dan sempurna.

Aktiviti penterjemahan adalah dikira sebagai satu usaha wajib yang perlu dititikberatkan oleh setiap pihak. Ini adalah kerana pekerjaan ini merupakan medium penting bagi menyebarkan ilmu dan maklumat dari pelbagai bidang sepertimana penterjemahan kitab-kitab agama yang telah diberi dua fokus utama oleh para penterjemah di Malaysia.

Khutbah Jumaat memainkan peranan penting dalam kehidupan individu dan masyarakat muslim memandangkan ia bukan sekadar untuk memenuhi rukun wajib solat Jumaat. Khutbah sebaliknya adalah medium yang sangat penting dalam menyampaikan maklumat dan merangsang para jemaah yang terdiri daripada masyarakat Islam. Teks khutbah yang disediakan biasanya ditulis dan disampaikan dalam bahasa Melayu dan juga bahasa Arab. Teks bahasa Arab terdiri daripada petikan ayat-ayat Al-Quran dan juga hadis malah setiap petikan tersebut turut disertakan bersama dengan terjemahan. Terjemahan ayat Al-Quran serta hadis yang baik merupakan suatu nilai usaha yang amat penting. Ini adalah kerana secara tidak langsung ia menjadi satu perkara yang perlu dipandang serius memandangkan intipati ayat Al-Quran dan hadis menjadi pegangan hidup kita dan ia wajib diserap ke dalam pengetahuan masyarakat. Oleh itu, selain menitikberatkan intipati kandungan khutbah dan juga cara penyampaianya, (Mohd Fadzilah Kamsah, 1991). Keberkesanan terjemahan ayat Al-Quran mahupun hadis juga perlu dijadikan sebagai satu garis panduan utama dalam menyediakan teks khutbah.

Kepentingan Menterjemah Hadis

Kepentingan menterjemah hadis-hadis Nabi S.A.W ke dalam bahasa lain telah dinyatakan di dalam dalil-dalil antaranya ialah riwayat daripada Zayd bin Thabit, beliau berkata: *Rasulullah telah memerintahkanku agar belajar untuknya tulisan Yahudi. Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya Demi Allah aku tidak percaya orang Yahudi untuk menulis. Kemudian Zayd berkata: selepas setengah bulan berlalu aku mempelajarinya untuk Rasulullah. Zayd menceritakan: Ketika mana aku telah mempelajarinya apabila Rasulullah menulis kepada Yahudi aku akan menulis kepada mereka. Manakala jika orang Yahudi menulis kepada Rasulullah aku baca tulisan mereka. Abu 'Isa berkata: hadis ini hasan sahih (al-Tirmidhi) Hadis ini jelas membuktikan keharusan dan keperluan terjemahan hadis Selain daripada itu, surat-surat Rasulullah s.a.w kepada pemimpin negara Kisra, al-Najashi dan Habsyah ditulis dalam bahasa Arab kerana Rasulullah meyakini bahawa mereka mempunyai penterjemah-penterjemah yang mampu menterjemahkan dengan amanah ke dalam bahasa mereka. (Faisal Ahmad Shah, 2011)*

Objektif Kajian

Objektif kajian ini untuk mengenal pasti metode terjemahan hadis yang diguna pakai dalam menterjemah hadis-hadis yang terdapat dalam teks khutbah Jumaat terbitan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam tahun 2014- 2015. Penumpuan diberikan kepada aspek linguistik yang terdapat pada korpus kajian khususnya aspek sintaksis (*nahu*), morfologi (*sarf*) dan *balaghah*.

Metode Kajian

Kajian ini merupakan kajian analisis kandungan teks. Kaedah ini digunakan untuk menganalisa rekod ucapan, tulisan, dan item tingkah laku yang diperhatikan oleh penyelidik. Kajian ini menerima pakai teknik analisis kandungan tidak ketara. Analisis kandungan tidak ketara merupakan satu teknik penyelidikan yang memerlukan penyelidik agar membaca, meneliti, dan mentafsirkan teks tersebut mengikut tema kajiannya (Sunawari Long, 2005: 85). Dengan itu, teks-teks al-Hadith diteliti satu persatu bagi mencari maklumat berkaitan untuk dianalisis. Teks yang dianalisa ialah terjemahan hadis yang terdapat dalam khutbah Jumaat

terbitan JAIS 2014-2015. Kajian adalah difokuskan terhadap terjemahannya dalam bahasa Melayu. Namun, dalam kajian ini teknik yang digunapakai hanya membawa beberapa hadis yang mengandungi permasalahan yang dikaji sahaja.

Pendekatan Semantik Komunikatif

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teori yang diperkenalkan oleh Peter Newmark yang dinamakan sebagai teori Semantik-Komunikatif. Newmark bermula daripada teori *receptor oriented line* milik Nida, sambil menyatakan bahawa keberkesanan teori *equivalence* (kesepadanan) adalah bersifat khayalan dan konflik kesetiaan, dan jurang antara penekanan terhadap bahasa sumber serta bahasa sasaran sentiasa akan kekal sebagai masalah yang mendesak dalam teori dan praktikal terjemahan. Newmark mencadangkan agar dirapatkan jurang ini dengan menggantikan istilah lama dengan istilah terjemahan semantik dan komunikatif (Munday, 2001).

Terjemahan semantik cuba untuk mengemukakan, semampu yang boleh, yang dibenarkan oleh struktur semantik dan tatabahasa bahasa kedua, makna konteks yang tepat daripada teks asal (Newmark, 1988). Dalam hal ini, penterjemah tidak akan menyesuaikan mesej teks asal mengikut budaya bahasa sasaran tetapi yang harus dikekalkan ialah bentuk asal teks sumber meskipun ada kalanya terjemahan yang dihasilkan agak kabur dan sukar difahami (Muhammad Fauzi Jumingan, 2006: 71). Terjemahan komunikatif pula cuba untuk menghasilkan kesan ke atas pembacanya sehampir mungkin dengan kesan yang diperolehi oleh pembaca dari teksnya yang asal (Newmark, 1988).

Perincian terjemahan komunikatif ini menyerupai teori kesamaan dinamik Nida dari aspek kesan yang ingin dihasilkan pada pembaca teks sasaran. Sementara itu, terjemahan semantik pula mempunyai persamaan dengan teori kesamaan formal Nida. Namun begitu, Newmark menjauhkan dirinya dari keseluruhan prinsip kesan kesamaan ini kerana kesan adalah tidak sesuai jika sesuatu teks itu terkeluar dari ruang tempat dan masa bahasa sasaran.

Sebagai contoh, terjemahan hasil Homer dalam bahasa Inggeris British Modern. Sudah pasti penterjemah, walau dalam bahasa apa-apa sekalipun bahasa sasarannya, tidak mampu untuk mengharap atau menjangka dapat menghasilkan kesan yang sama kepada pembaca teks sasaran sebagaimana kesan teks sumber kepada para pendengar pada zaman Greek purba (Munday, 2001).

Munday (2001) telah meringkaskan ciri-ciri teori ini sebagaimana parameter berikut:

Ciri-ciri Terjemahan Semantik & Komunikatif		
PARAMETER	TERJEMAHAN SEMANTIK	TERJEMAHAN KOMUNIKATIF
Sasaran	Tumpuan kepada proses berfikir, membantu pembaca teks sasaran memahami sesuatu konotasi jika ia merupakan bahagian penting sesuatu mesej.	Subjektif, fokus kepada pembaca teks sasaran. Berorientasikan kepada bahasa dan budaya tertentu.
Budaya	Kekal dalam budaya bahasa sumber	Ia memindahkan elemen asing ke dalam budaya bahasa sasaran.
Zaman & Asal Usul	Tidak ditetapkan pada masa atau ruang tertentu. Terjemahan perlu diperbaharui setiap masa.	Bersifat sepintas lalu dan berakar umbi pada konteksnya tersendiri yang bersifat kontemporer.
Hubungan dengan Teks Sumber	Sentiasa tunduk kepada teks sumber, hilang makna	Kemungkinan lebih baik dari teks sumber, perolehan tenaga dan kejelasan walaupun jika hilang kandungan

Penggunaan Bentuk dalam Teks Sumber	Jika norma dalam bahasa teks sumber melencong maka ia hendaklah ditiru dalam teks sasar, ia bersifat taat kepada teks sumber.	semantik. Menghormati bentuk teks sumber tetapi menolak ketaatan kepada norma teks sumber.
Bentuk Bahasa Sasar	Lebih rumit, ganjil, fokus, kecenderungan kepada terlebih terjemah.	Lebih licin, lancar, jelas, lebih berterus terang, lebih konvensional, kecenderungan kepada kurang terjemah
Kesesuaian	Untuk kesusasteraan serius, autobiografi, hasil peribadi, mana-mana kenyataan politik yang penting.	Untuk pelbagai kebanyakan teks: tulisan bukan sastera, teks teknikal dan informasi, publisiti, jenis yang standard, fiksyen popular.
Kriteria penilaian	Ketepatan penghasilan semula ketepatan teks sumber.	Ketepatan komunikasi mesej teks sumber dalam teks sasar.

Newmark berpendapat bahawa penggunaan kedua-dua pendekatan ini adalah bersifat anjal walau dalam satu proses terjemahan ke atas teks terjemahan yang sama, beliau menyatakan bahawa tidak ada satu-satu terjemahan komunikatif atau kaedah terjemahan semantik apabila menterjemah teks. Malah terdapat jalur kaedah yang bertumpang tindih. Satu-satu terjemahan boleh menjadi lebih atau kurang terjemahan semantik-lebih atau kurang terjemahan komunikatif-malah satu bahagian atau ayat tertentu dapat ditangani lebih dari segi komunikasi atau kurang dari segi semantik (Newmark, terjemahan Zainab, 1994: 40)

Beliau juga berpendapat penggunaan gabungan kedua-dua pendekatan dalam satu teks bergantung kepada kepentingan kedua-dua, iaitu bentuk dan juga mesej. Newmark menyatakan bahawa apabila perantaraan (form) sama penting dengan utusan (message) dan manusia daripada dua budaya bahasa itu lazimnya dapat memperkatakan perkara yang sama dengan penggunaan perkataan yang berbeza maka kedua-dua unsur itu berpadu (Newmark, terjemahan Zainab, 1994:46)

Beliau berpandangan berasaskan teori Nida yang menyatakan terjemahan teks kudus (injil) adalah lebih kepada terjemahan semantik bahawa boleh berlaku perubahan pendekatan terjemahan dari semantik kepada komunikatif pada teks itu jika terdapat faktor yang mendorong perubahan itu, antaranya : perubahan sosial dari aspek ciri dongengan dalam kehidupan masyarakat serta pengetahuan yang berkurangan golongan sasar terhadap teks itu. Hal ini dilihat sesuai dengan terjemahan teks al-Hadith yang maknanya amat perlu difahami bukan dari aspek linguistiknya sahaja bahkan dari sudut konteksnya (*asbab wurud al-hadith*).

Berasaskan teori terjemahan ini, pengkaji akan mengenal pasti ciri terjemahan yang digunapakai dalam terjemahan teks hadis yang terdapat dalam khutbah Jumaat terbitan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada tahun 2014-2015.

Skop Kajian

Kajian ini menumpu kepada analisis metode terjemahan dengan menfokuskan kepada beberapa aspek linguistik. Kajian linguistik dibahagikan kepada tiga bidang besar iaitu ilmu fonetik dan fonologi, ilmu morfologi dan sintaksis dan ilmu semantik (Abdullah Hassan. 2007). Dalam kajian ini, permasalahan linguistik dalam terjemahan hadis bagi korpus kajian merangkumi tiga elemen bahasa iaitu sintaksis (*nahu*), morfologi (*sarf*), dan juga *balaghah*.

Dapatan Kajian

Jumlah khutbah Jumaat sepanjang 2014-2015 ialah sebanyak 103. Dari jumlah siri khutbah tersebut hanya sebanyak 17 khutbah sahaja tidak mengandungi hadis. Ini menunjukkan khutbah terbitan JAIS memberikan penekanan terhadap penggunaan hadis dalam mengukuhkan mesej yang ingin disampaikan. Jumlah keseluruhan hadis di dalam khutbah Jumaat adalah 209.

Analisis statistik ringkas berkaitan dengan khutbah Jumaat dan hadis terbitan JAIS tahun 2014-2015

BIL	PERKARA	2014	2015	jumlah
1	Jumlah khutbah Jumaat	51	52	103
2	Jumlah khutbah tanpa hadis	9	8	17
3	Jumlah hadis di dalam khutbah Jumaat	99	110	209
4	Jumlah hadis beserta <i>matan</i>	73	69	142
5	Jumlah hadis tanpa <i>matan</i>	26	41	67

Namun, dalam kajian ini teknik yang digunapakai hanya membawa beberapa hadis yang mengandungi permasalahan yang dikaji sahaja sebagaimana yang telah dinyatakan dalam skop kajian ini.

Aspek Sintaksis

Contoh 1:

TEKS	مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ.
TARIKH KHUTBAH	3/7/2015
TERJEMAHAN	Sedekah tidaklah mengurangi harta”.

Teks hadith ini dalam struktur *jumlah fi'liyyah*. Ia merupakan struktur ayat yang dimulakan dengan *fe'el* (kata kerja) dan diikuti dengan *fa'el* (pembuat) yang mana kedua-duanya merupakan elemen wajib bagi ayat dari kategori ini (al-Rajihi, 1999, Hlm: 174) Hadis di atas bermula dengan *fe'el* (kata kerja) ناقصت dan diikuti dengan *fa'el* (pembuat) صدقة. Terjemahan yang terikat dengan struktur asal teks sumber sepatutnya berbunyi (tidak mengurangi mana-mana sedekah sedikit pun daripada harta) Namun dalam teks sasar di atas, struktur ayat dalam teks sumber tidak dikekalkan. Penterjemah telah membuat modifikasi pada struktur ayat dalam teks sasar, *fa'el* (pembuat) berfungsi sebagai subjek dalam teks sasar manakala kata kerja نقص berfungsi sebagai predikat. Ini menepati tatacara penterjemahan *jumlah fi'liyyah* ke dalam bahasa Melayu di mana *fa'el* dalam *jumlah fi'liyyah* hendaklah dijadikan subjek (*mubtada'*) apabila diterjemahkan dalam bahasa Melayu (Mohd Hilmi Abdullah. 2008).

Berdasarkan huraian di atas, teks sasar tidak terikat dengan kaedah tatabahasa teks sumber bahkan penterjemah menggunakan struktur ayat yang lebih menepati tatabahasa teks sasar. Pendekatan ini adalah secara terjemahan komunikatif, iaitu terjemahan tidak terikat dengan struktur linguistik teks sumber tetapi dengan memberikan fokus kepada struktur linguistik pembaca sasar. Pendekatan ini menampilkan ciri ketepatan komunikasi mesej teks sumber dalam teks sasar. Bagi teks ini pendekatan komunikatif yang diguna pakai dilihat dapat melancarkan proses komunikasi semasa khutbah disampaikan.

Contoh 2:

TEKS	لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَالِدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ.
TARIKH KHUTBAH	2.1. 2015
TERJEMAHAN	“Tidak beriman seseorang kamu sehinggalah aku lebih disayanginya melebihi ibu bapanya, anak-anaknya dan manusia keseluruhannya”.

Ayat di atas dari kategori *jumlah fi'liyyah*. Ia dimulakan dengan huruf nafi لا (tidak) dan diikuti dengan kata kerja يؤمن (beriman). *Fa'el* (pembuat kata kerja) terletak selepas kata kerja iaitu kata nama أحد. Teks sasar mengekalkan struktur ayat dalam bahasa sumber ke dalam terjemahan bahasa sasar berbunyi: “Tidak beriman seseorang kamu...”. Terjemahan setia pada teks sumber dengan menumpukan kepada bentuk tatabahasa bahasa teks asal. Namun kaedah penterjemahan Arab-Melayu menyatakan bahawa *jumlah fi'liyyah* tidak wujud dalam bahasa Melayu, maka *fa'el* dalam *jumlah fi'liyyah* hendaklah dijadikan subjek (*mubtada'*) apabila diterjemahkan dalam bahasa Melayu (Mohd Hilmi Abdullah. 2008).

Berdasarkan huraian di atas, teks sasar didapati terikat dengan kaedah tatabahasa teks sumber di mana penterjemah mengekalkan struktur ayat yang lebih menepati tatabahasa teks sumber. Pendekatan ini adalah secara terjemahan semantik, iaitu terjemahan terikat dengan struktur linguistik teks sumber. Melalui kaedah terjemahan Arab Melayu dicadangkan terjemahan alternatif bagi ayat tersebut: “Seseorang daripada kamu tidak beriman (dengan keimanan yang sempurna...)”.

Contoh 3:

TEKS	افْتَحُوا عَلَىٰ صِبْيَانِكُمْ أَوَّلَ كَلِمَةٍ : لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ...
TARIKH KHUTBAH	13/2/2015
TERJEMAHAN	“Jadikanlah kalimah La ilaha Illa Allah sebagai kalimah pertama yang didengari oleh anak-anakmu” (Riwayat al-Baihaqi).

Ayat di atas juga dari kategori *jumlah fi'liyyah*. Ia dimulakan dengan *fe'el amr* (kata kerja suruhan) افتحوا. *Fa'el* (pembuat kata kerja) datang selepas kata kerja iaitu *dhamir muttasil* و (kata ganti nama bersambung) bermaksud ‘kamu semua’. Ayat ini juga dilengkapi dengan *maf'ul bihi* (objek) iaitu kata nama أول كلمة (kalimah pertama).

Teks sasar mengekalkan struktur ayat dalam bahasa sumber ke dalam terjemahan bahasa sasar berbunyi : “Jadikanlah” dengan mengekalkan posisi kata kerja suruhan di awal ayat namun

fa'il tidak diterjemahkan dalam teks sasar. Teks sasar masih mengekalkan struktur tatabahasa teks sumber.

Korpus kajian menggunakan pendekatan terjemahan semantik dari aspek terjemahan *jumlah fi'liyyah* namun maksud kata kerja افتحوا (*bukalah*) telah diubah kepada makna 'jadikanlah' yang merupakan terjemahan secara komunikatif. Penterjemah turut melakukan penambahan makna pada teks sasar antaranya kata kerja pasif: "didengari..." yang tidak ada padanannya dalam teks sumber.

Penterjemahan teks ini dengan menggunakan gabungan terjemahan semantik dan komunikatif. Struktur ayat dikekalkan mengikut struktur teks sumber tanpa membuat modifikasi struktur tersebut mengikut tatacara terjemahan ayat ke bahasa Melayu. Tetapi penyesuaian terjemahan turut dibuat dengan mengubah maksud kata kerja افتحوا serta penambahan kata kerja pasif 'didengari'.

Aspek Morfologi

Dalam perbahasan terjemahan permasalahan ini dikategorikan sebagai permasalahan semantik iaitu pemilihan makna yang paling tepat bagi sesuatu perkataan yang terdapat dalam teks sumber. Berikut adalah contoh bagi permasalahan ini dengan menumpukan satu aspek morfologi yang dikenali dengan *sighah mubalaghah*. *Sighah mubalaghah* dari aspek ilmu *sarf* ialah *wazn* (bentuk) *ism fa'el* yang ditukarkan dalam *wazn* yang lain untuk menunjukkan makna banyak dan melampau bagi sesuatu perkara (al-Hamlawi, 1999, hlm: 46).

Contoh 1:

TEKS	كُلُّ بَنِي آدَمَ خَطَّاءٌ وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ
TARIKH KHUTBAH	20/2/2015
TERJEMAHAN	"Setiap anak Adam itu ada melakukan dosa. Dan sebaik-baik orang yang melakukan dosa itu ialah mereka yang bertaubat".

Kata nama خطاء merupakan *sighah mubalaghah* (struktur gambaran melampau) dengan maksud "orang yang banyak membuat kesalahan" (Ibn Manzur, 2003) atas *wazn* (فعال). al-Mubarakfuri (2001, j:7, hlm: 170) menyatakan lafaz ini membawa maksud كثير الخطاء (*banyak melakukan kesalahan*). Begitu juga dengan kata nama التوابون di atas bentuk *sighah mubalaghah* dengan *wazn* yang sama.

Berdasarkan huraian di atas, teks sasar didapati terikat dengan teks sumber di mana penterjemah mengekalkan maksud asal teks sumber. Pendekatan ini adalah secara terjemahan semantik, iaitu terjemahan terikat dengan makna leksikal teks sumber. Namun terjemahan dalam bahasa sasar tidak menyerlahkan aspek *mubalaghah* ini. Merujuk kepada struktur perkataan خطاء dan التوابون, serta huraian para ulama hadis terhadap perkataan tersebut wajar ditampikan elemen *mubalaghah* dalam teks sasar. Terjemahan saranan bagi perkataan ini ialah dengan menambahkan perkataan 'sering' atau 'banyak': "hamba yang banyak/sering melakukan dosa" dan "mereka yang banyak bertaubat".

Contoh 2:

TEKS	أفلا أكون عبداً شكوراً
TARIKH KHUTBAH	20/11/2015
TERJEMAHAN	“Salahkah sekiranya aku ingin menjadi hamba yang bersyukur”.

Menurut al-Rajih (1973) Kata nama شكور dari perspektif morfologi merupakan *sighah mubalaghah* (struktur gambaran melampau). Kata Ibn Manzur (2003) “apabila perkataan ini disandarkan kepada manusia ia bermaksud orang yang bersungguh-sungguh untuk mensyukuri tuhan dengan melakukan segala ketaatan yang diperintahkan kepadanya”. Huraian ini mampu membantu proses penterjemahan perkataan ini. Ibn Allan (1995, j: 1, h: 228) menyatakan: orang yang banyak bersyukur digelar شكور.

Teks sasaran menggunakan metod terjemahan Semantik kerana mengutamakan bentuk teks asal dan menyampaikan maksud yang sama dengannya. Ini berdasarkan persamaan yang wujud dengan teks sumber, khususnya dari aspek pemilihan makna kosakata. Ia mengekalkan makna perkataan شكور dalam hadis tersebut, namun diperhatikan bahawa terjemahan teks sasaran tidak menunjukkan ciri *mubalaghah* (gambaran melampau) yang terdapat melalui struktur فاعول. Merujuk kepada struktur perkataan شكور serta huraian para ulama hadis terhadap perkataan tersebut wajar ditampikan elemen mubalaghah dalam teks sasaran. Terjemahan alternatif bagi perkataan ini ialah dengan menambahkan perkataan ‘sering’ atau ‘banyak’.. “hamba yang banyak/sering bersyukur”.

Contoh 3:

TEKS	أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا.
TARIKH KHUTBAH	28/8/2015
TERJEMAHAN	“Orang beriman yang sempurna ialah mereka yang berakhlak baik”

Dalam hadis ini terdapat dua *ism tafdil* iaitu أكمل dan أحسن. Kedua-dua perkataan ini *ism tafdil* di atas wazn (metre) أفعل. *Isim tafdil* digunapakai dalam bahasa Arab untuk melebihkan di mana dua perkara berkongsi sifat tertentu tetapi salah satunya mengatasi yang lain (al-Rajih, 1973). Kedua-dua perkataan ini berasal daripada perkataan كمل dan حسن. Perkataan كمل bermaksud ‘kesempurnaan’ manakala perkataan حسن pula bermaksud ‘lawan bagi hodoh’

(Ibn Manzur, 2003) apabila dibentuk dengan *wazn isim tafdil* kedua-duanya mengandungi maksud lebih berbanding yang lain.

Teks sumber menterjemah lafaz *أَكْمَل* dengan maksud “yang sempurna” dan lafaz *أَحْسَن* diterjemah dengan “baik”. Secara ringkasnya kedua-dua perkataan diterjemahkan dengan pendekatan terjemahan Semantik kerana mengutamakan bentuk teks asal dan menyampaikan maksud yang sama dengannya. Ini berdasarkan persamaan yang wujud dengan teks sumber, khususnya dari aspek pemilihan makna kosakata. Ia mengekalkan makna perkataan. Namun, ciri *tafdil* kedua-dua perkataan ini tidak ditonjolkan dalam bahasa sasar.

Bagi menghadirkan ciri *tafdil* (lebih) yang dibawa oleh struktur kedua-dua perkataan ini dalam bahasa sasar disarankan penambahan perkataan “lebih” dalam terjemahan kedua-dua perkataan tersebut menjadi “*Orang yang paling sempurna keimanannya ialah mereka yang paling baik akhlaknya*”. Penambahan cadangan ini masih tidak mengeluarkan terjemahan ini daripada kerangka penterjemahan semantik kerana masih bergantung kepada struktur perkataan teks sumber.

Aspek Balaghah

Elemen *Balaghah* merupakan satu aspek linguistik yang begitu mencabar dalam bidang penterjemahan. Disiplin ilmu yang menfokuskan kepada bahasa figuratif seperti *tashbih*, *isti'arah*, *majaz* dan *kinayah* ini memerlukan penterjemah memahiri struktur sesuatu ayat, bahkan memerlukannya memahami konteks dan budaya yang berkaitan elemen ini. Aspek ini turut terdapat dalam penterjemahan hadis dalam teks khutbah Jumaat terbitan JAIS, antaranya:

Contoh 1:

TEKS	من نَفَسَ عن مؤمنٍ كُرْبَةً من كُرْبِ الدنيا نَفَسَ اللهُ عنه كُرْبَةً من كُرْبِ يومِ القيامة
TARIKH KHUTBAH	14/2/2014
TERJEMAHAN	"Sesiapa yang melepaskan satu kesusahan daripada seorang mukmin daripada kesusahan dunia, nescaya Allah SWT akan melepaskan darinya satu kesusahan pada hari kiamat.

Kata kerja *نفس* dari segi bahasa bermaksud: *تنفيس الخناق* (Ibn Manzur, 2003) bermaksud “melepaskan jerutan”. Ibn Allan (1995, j.2, hlm: 29) menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan *نفس* ialah ‘menghilang dan melegakan’. Rasulullah s.a.w. menyamakan orang yang menolong meringankan beban orang lain dengan seorang yang bernafas yang menyedut udara segar masuk ke dalam rongga paru-parunya lalu mengeluarkan udara panas darinya atau seumpama seseorang yang menyedut udara segar semasa bersiar-siar di taman (Muhammad Bi’lu Ahmad Abu Bakr, hlm: 99).

Terjemahan yang digunakan ialah “...*melepaskan satu kesusahan*...”. Pendekatan yang diguna pakai ialah terjemahan secara komunikatif. Kata kerja *نفس* tidak diterjemahkan dengan makna denotatif iaitu “memberikan ruang untuk bernafas”. Terjemahan ini tidak terikat

dengan struktur metafora teks sumber namun menghasilkan maksud yang jelas serta laras bahasa yang lancar.

Terjemahan ini menepati makna metaforikal yang dikehendaki oleh frasa tersebut sebagaimana yang diulas oleh para ulama hadis. Pendekatan ini juga bersesuaian dengan keperluan khutbah Jumaat yang memerlukan audiens memahami maklumat yang disampaikan kepada mereka dengan mudah. Pengekalan makna denotatif kata kerja tersebut serta keinginan untuk mengekalkan metafora secara semantik sudah pasti akan menimbulkan kekeliruan kepada pembaca sasaran kerana imej ‘memberikan ruang untuk bernafas’ dengan maksud memberikan bantuan ialah gambaran yang asing bagi bahasa sasaran.

Contoh 2:

TEKS	وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسْجِدِ.
TARIKH KHUTBAH	30/5/2014
TERJEMAHAN	“...lelaki yang hatinya sentiasa ingat dan dekat dengan masjid...”

Teks sasaran bagi hadis di atas menterjemahkan kata nama *معلق في* dengan dua perkataan berbeza iaitu “*ingat dan dekat*”. Menurut Mujam al-Wasit (1998), dari segi bahasa frasa *علق ب* bermaksud *وضعه عليه* (meletakkan sesuatu di atas sesuatu yang lain). Ibn Hajar al-Asqalani (1986) menyatakan bahawa secara zahirnya frasa ini merupakan *tashbih*, di mana Rasulullah s.a.w mengumpamakan hati orang yang selalu hadir ke masjid seperti sebiji lampu yang sentiasa tergantung di masjid. Ia *tashbih* yang mengisyaratkan bahawa hatinya sentiasa melazimi masjid walaupun jasadnya berada di luar masjid. Imam al-Nawawi (1996) pula menyatakan ia bermaksud kecintaan yang amat sangat kepada masjid serta berjemaah di dalamnya.

Penelitian menunjukkan teks ini diterjemah dengan menggunakan terjemahan komunikatif iaitu penggunaan maksud tersirat disebalik *tashbih* tanpa menggunakan maksud denotatif frasa tersebut. Pendekatan ini dapat mengelakkan kekeliruan dalam memahami maksud ‘hatinya tergantung di masjid’ sekaligus dilihat bersesuaian dengan keperluan khutbah Jumaat yang memerlukan audiens memahami maklumat yang disampaikan kepada mereka dengan mudah.

Kesimpulan

Berdasarkan contoh yang dibawa bagi aspek *nahw* (sintaksis), didapati penterjemahan sebahagian teks hadis dalam khutbah Jumaat terbitan JAIS menggunakan tiga pendekatan yang berbeza iaitu secara semantik, komunikatif dan gabungan semantik dengan komunikatif.

Kajian mendapati teks hadis yang merangkumi elemen *sarf* (morfologi) yang difokuskan oleh kajian ini diterjemah dengan menggunakan pendekatan terjemahan Semantik. Pendekatan ini menepati maksud teks sumber serta huraian teks hadis yang dikemukakan oleh para ilmunan hadis. Bahasa terjemahan bagi elemen *sarf* juga mudah difahami, menepati fungsinya sebagai bahasa komunikasi dalam khutbah Jumaat.

Sebahagian besar contoh yang dianalisis menunjukkan penterjemahan teks dalam korpus kajian berjaya menonjolkan implikasi (kesan) struktur morfologi ke atas makna teks sasar. Namun terdapat juga beberapa contoh hadis yang menunjukkan elemen makna yang terhasil daripada struktur *sarf* tidak ditonjolkan dalam teks sasar. Walaupun makna asas kosakata teks sumber berjaya dihasilkan dalam teks sasar namun tidak dapat dinafikan makna yang lahir daripada elemen struktur *sarf* turut perlu dihadirkan dalam teks sasar.

Dari aspek *balaghah* pula pendekatan terjemahan yang diguna pakai ialah pendekatan terjemahan komunikatif yang berusaha untuk menghasilkan kesan ke atas pembacanya sehampir mungkin dengan kesan yang diperolehi oleh pembaca dari teksnya yang asal. Contoh-contoh yang dibawa menunjukkan penterjemah menggunakan maksud tersirat yang dikehendaki di sebalik teks yang tersurat. Pendekatan ini amat bersesuaian dengan audien khutbah Jumaat yang berkemungkinan sukar memahami struktur asal bahasa figuratif tersebut.

Rujukan

- Abdullah Hasaan. 2007. *Linguistik Am Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. PTS Professional Publishing Sdn Bhd
- Ahmad Sunawari Long. 2005. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Jabatan Usuluddin dan Falsafah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar. 1986. *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Dar al-Rayyan li al-Turath
- Faisal Ahmad Shah. 2011. *Terjemahan Hadith Nabi SAW Ke Dalam Bahasa Melayu: Analisis Terhadap Kitab Riyad Al-Salihin Terbitan JAKIM*. Jurnal Al-Bayan. Universiti Malaya.
- al-Hamlawi, Ahmad. 1999. *Syaza al-Arf fi Fann al-Sarf*. Beirut: Dar al-Fikr al-Arabiyy
- Ibn Manzur, Ahmad bin Mukarram. 2003. *Lisan al-Arab*. Dar Sadir
- Ibrahim Mustafa, Ahmad Zayyat, Hamid Abd al-Qadir & Ahmad Najjar (Majma' al-Lughah al-Arabiyyah bi al-Qaherah). 1998. *Mu'jam al-Wasit*. Qaherah: Dar al-Da'wah.
- Mohd Fadzilah Kamsah. 1991. *Membudayakan Kecemerlangan dalam Penyampaian Khutbah: Satu kajian kes di negeri Pahang Darul Makmur*. Jurnal Komunikasi
- Mohd Hilmi bin Abdullah, 2008, *Teori & Kaedah Penterjemahan Arab-Melayu*, Pustaka Hilmi.
- al-Mubarakfuriy, Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim. 2001. *Tuhfat al-Ahwazi bi Syarh Jami' al-Tirmiziy*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Muhammad Bilu. 1979. *Min Balaghat al-Sunnat*. Syari' al-Suq al-Tawfiqiyyat: Matba'at Atlas
- Munday, Jeremy. 2001. *Introduction to Translation*. London: Routledge.
- al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya bin Sharaf. 1996. *Al-Minhaj: Sharh al-Nawawi ala Sahih Muslim*. Dar al-Khair.
- Newmark, Peter. 1988. *Approaches to Translation*. United Kingdom: Prentice Hall International.
- Newmark, Peter. 1994. *Pendekatan Penterjemahan*. Terjemahan: Zainab Ahmad dan Zaiton Ab. Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- al-Rajihi, Abduh. 1999. *Al-Tatbiq al-Nahwi*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- al-Rajihi, Abduh. 1973. *Al-Tatbiq al-Sarfi*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.

al-Siddiqiy, Muhammad bin ‘Allan. 1995. *Dalil al-Falihin Syarh Riyad al-Salihin*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
<http://e-masjid.jais.gov.my/index.php/ekhutbah>